

# Konsep "Pembangunan Masyarakat" dalam kalangan masyarakat Melayu 1970-1990an

## Satu cerapan awal kepada media massa terbitan Al-Arqam

Khairin Sharep

Nazirah Lee<sup>1</sup>

Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900, Tg Malim Perak.

<sup>1</sup> nazirah@fsk.upsi.edu.my

### Abstrak

Pelancaran Dasar Ekonomi Baru mulai 1970 sehingga 1990 menjadikan pembangunan dan kemajuan masyarakat sebagai isu penting dalam masyarakat sepanjang tempoh berkenaan. Makalah ini menumpukan kepada konsep pembangunan masyarakat yang diterapkan dalam gerakan Al-Arqam kerana gerakan ini mempunyai latar belakang dan perkembangan yang berbeza berbanding gerakan yang muncul dalam masyarakat Melayu ketika itu. Justeru, makalah ini menganalisis apakah konsep pembangunan yang diterapkan dalam kalangan Al-Arqam dan bagaimanakah respon kumpulan tersebut kepada perlaksanaan dasar berkaitan pembangunan ekonomi dan masyarakat dalam tempoh berkenaan. Perbincangan dalam makalah ini adalah berdasarkan kepada cerapan kepada akhbar dan majalah yang diterbitkan oleh kumpulan Al-Arqam sepanjang tempoh kajian. Ia memberikan gambaran tentang tanggapan mereka konsep "pembangunan masyarakat" yang seringkali dikaitkan dengan prinsip-prinsip yang ada dalam ajaran Islam. Cerapan dan perbincangan dalam makalah ini diharap akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan Islam dalam pembangunan masyarakat Melayu di Malaysia.

### Pengenalan

Kajian berhubung perkembangan sejarah masyarakat Melayu sejak awal abad ke-20 memperlihatkan bahawa isu-isu berkaitan pembangunan masyarakat diberikan perhatian khusus dalam masyarakat Melayu. Pembangunan dan kemajuan masyarakat juga merupakan intipati utama kepada semua Rancangan Malaysia yang dilancarkan sepanjang tempoh selepas kemerdekaan sehingga hari ini. Pembangunan masyarakat dilihat sebagai prasyarat kepada pembinaan dan kesejahteraan masyarakat. Makalah ini bertujuan untuk menilai apakah perbezaan yang wujud di antara konsep pembangunan masyarakat yang terdapat dalam dasar kerajaan khususnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) berbanding Arqam. Arqam ditubuhkan oleh Ashaari Muhamad yang merupakan pelajar yang mempelajari ilmu sufi. Beliau menyertai ABIM sebelum beliau menubuhkan Arqam pada 1975 di Sungai Penchala. Kebanyakan daripada anggota Arqam pada mulanya terdiri daripada pelajar dan pensyarah universiti. Ia kemudiannya berkembang dan 19 tahun selepas penubuhannya Arqam

mempunyai 16 cawangan di luar Malaysia dengan 12,000 orang ahli.<sup>1</sup> Selari dengan peribadi pengasasnya, Arqam terkenal sebagai sebuah gerakan yang dipengaruhi oleh unsur kesufian dan bergerak dengan tujuan untuk mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang ideal yang diasaskan sunnah Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya.<sup>2</sup> Lantaran itu, Arqam menolak amalan masyarakat umum yang berkait dengan hiburan dan melabelkan ia sebagai budaya hedonis yang bertentangan dengan Islam.<sup>3</sup> Kedudukan ekonomi kumpulan Arqam adalah stabil di mana mereka mempunyai aset perniagaan, sekolah dan jualan runcit yang dianggarkan bernilai sebanyak USD120juta pada 1994.<sup>4</sup>

### Latar Belakang

Pembangunan masyarakat seringkali dikaitkan sebagai prasyarat utama untuk menentukan kemajuan sesebuah masyarakat atau negara. Sesebuah masyarakat dianggap sebagai sebuah masyarakat yang maju melalui pencapaian mereka dalam pelbagai aspek seperti pendapatan per kapita, kadar buta huruf, kadar kesuburan, pertumbuhan penduduk dan lain-lain.<sup>5</sup> Sementara itu, Roberto M.J. dalam perbincangannya berhubung konsep pembangunan dalam masyarakat menyatakan bahawa "pembangunan" atau 'kemajuan' adalah produk pemikiran yang berpaksikan kepada Eropah kerana konsep tersebut digunakan oleh Eropah untuk menjustifikasi penjajahan yang mereka lakukan.<sup>6</sup> Pemikiran yang selari boleh dikesan dalam kajian Bernard S.Cohn berhubung kolonialisme dan kesannya kepada masyarakat di India yang menyatakan bahawa British menyebabkan masyarakat seringkali memandang tinggi kepada unsur atau nilai baru yang diperkenalkan oleh pentadbir kolonial.<sup>7</sup> Ringkasnya masyarakat yang dijajah dipengaruhi oleh penjajah dan mereka seringkali berhadapan dengan konflik untuk menentukan pemilihan mereka kepada budaya baru (moden dan maju) berbanding budaya asal mereka yang dianggap bersifat tradisional dan ketinggalan.<sup>8</sup>

Rumusan kajian Cohn mengenai kesan penjajahan kepada tanggapan masyarakat kepada cara hidup juga boleh dicerap berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu pada awal abad ke-20. Bahkan perbincangan berhubung pembangunan masyarakat dalam kalangan masyarakat Melayu dilihat lebih kompleks kerana selain daripada penjajahan, mereka juga dipengaruhi oleh pemikiran baru yang muncul ekoran daripada perkembangan pemikiran yang berlaku dalam dunia Muslim. Ringkasnya, pada awal abad ke-20, masyarakat Melayu Muslim

<sup>1</sup> G P Means. *Political Islam in Southeast Asia* (Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2009), 131

<sup>2</sup> Farish A. Noor. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013 Islamism in a Mottled Nation* (Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2016), 79

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Means. *Political Islam in Southeast Asia*, 131

<sup>5</sup> Dellaportas, G.. Classification of nations as developed and less developed: An arrangement by discriminant analysis of socioeconomic data. *The American Journal of Economics and Sociology*, 42(2) (1983), 153. Diakses daripada <https://search.proquest.com/docview/217655879?accountid=13155>

<sup>6</sup> Roberto, M. J. *Paradox and practice: Karl Marx's concept of progress* (Order No. 3021590) (2001) Diakses daripada <https://search.proquest.com/docview/250826176?accountid=13155>

<sup>7</sup> Bernard S.Cohn. *Colonialism and its forms of knowledge The British India*. (Princeton: Princeton University Press, 1996) ix-xvii

<sup>8</sup> Nicholas B. Dirks. *Pengenalan Colonialism and its forms of knowledge The British India*. Bernard S.Cohn (Princeton: Princeton University Press, 1996) ix-xvii

terdedah kepada pelbagai bentuk pemikiran baharu yang dianggap lebih baik berbanding kebiasaan yang ada dalam masyarakat Melayu.

Ia memberikan kesan yang besar kepada perspektif golongan terpelajar dan tokoh-tokoh Melayu kepada konsep pembangunan masyarakat. Bagi golongan yang menerima pendidikan Barat pembangunan adalah pengadaptasian kepada unsur moden dari Barat. Manakala bagi golongan agama, pemikiran mereka berhubung pembangunan masyarakat dikaitkan dengan penghayatan kepada ajaran Islam yang sebenar dan pengukuhan pengetahuan melalui pendidikan. Tokoh seperti Munshi Abdullah contohnya menyatakan bahawa masyarakat Melayu akan keluar daripada kemunduran mereka jika mereka mementingkan pelajaran. Manakala *Al-Imam* menyeru masyarakat Melayu untuk meninggalkan amalan tradisional yang kolot dan menggalakkan perkembangan intelektual dalam masyarakat Melayu untuk membebaskan bangsa tersebut daripada kemunduran sosial, ekonomi dan politik. Seterusnya Za'ba dalam penulisannya seringkali menyeru masyarakat Melayu untuk memajukan diri dengan memahami intisari ajaran Islam yang sebenar dan melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan demi menjamin kemajuan bangsa.<sup>9</sup> Jelasnya, idea dan interpretasi masyarakat Melayu masyarakat Melayu pada awal abad ke-20 berhubung kemajuan atau pembangunan masyarakat lazimnya dikaitkan dengan latar belakang pendidikan mereka. Namun, sebahagian besar daripada membincangkan kepada keperluan untuk kembali kepada ajaran Islam sebagai prasyarat untuk mencapai kemajuan.

Dalam era selepas kemerdekaan, pemikiran seperti ini muncul dalam kalangan para pelajar universiti yang mendukung gerakan perubahan dalam masyarakat mulai tahun 1970. Gerakan sosio-politik yang baharu yang kebanyakannya dipelopori oleh pemimpin gerakan pelajar juga memperkatakan tentang kepentingan Islam dalam usaha untuk memperbaiki keadaan masyarakat.<sup>10</sup> Sharifah Zaleha sebagai contohnya menyatakan bahawa perkembangan ekonomi, industri perindustrian dan peningkatan urbanisasi menyebabkan golongan intelligensia dalam kalangan masyarakat Melayu mula memberikan tumpuan kepada pembentukan budaya dan identiti baru yang berasaskan kepada Islam.<sup>11</sup> Pendekatan holistik seperti penyucian hati yang berasaskan kepada agama Islam sebagai contohnya digunakan oleh gerakan Arqam sebagai salah satu daripada medium untuk mencapai kemajuan.<sup>12</sup>

Selain itu, tokoh intelektual seperti Syed Hussien Al-Attas menyatakan bahawa kemajuan dalam masyarakat merujuk kepada kemakmuran rohani dan jasmani yang mana individu dan ahli masyarakat mempunyai semangat berfikir.<sup>13</sup> Beliau berpendapat bahawa pembasmian kemiskinan dan rintangannya adalah kekurangan ahli fikir yang boleh menyumbang kepada masyarakat. Islam adalah elemen yang penting.<sup>14</sup> Jelasnya, kemajuan atau pembangunan

<sup>9</sup> Adnan Nawang. *Za'ba dan Melayu*. (Tg Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007)204-221; Abdul Aziz Mat Ton. *Politik Al-Imam*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

<sup>10</sup> Farish A. Noor. *The Malaysian Islamic Party*,78

<sup>11</sup> Hassan, S. Constructions of Islamic Identities in a Suburban Community in Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 25(2) (1997)., 25-38. Diakses daripada, <http://www.jstor.org/stable/24492395>

<sup>12</sup> Salleh, M. S. A Note on the Politics of Islamic - Based Development Strategy in Southeast Asia. *Researchers World*, 7(1), (2016), 33-38. doi:<http://dx.doi.org/10.18843/rwjasc/v7i1/04>

<sup>13</sup> Syed Hussien Al-Attas. *Kita dengan Islam tumbuh tiada berbauh* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

<sup>14</sup> Ibid

masyarakat pada pandangan Syed Hussein Alatas merujuk kepada kesejahteraan ekonomi yang berpunca daripada penghayatan kepada cara hidup dan prinsip Islam.

Islam juga merupakan elemen yang penting dalam pentadbiran di Malaysia. Tunku Abdul Rahman sebagai contohnya menggunakan slogan "menegakkan syiar Islam" manakala polisi rasmi Tun Abdul Razak adalah "penerapan nilai-nilai Islam".<sup>15</sup> Polisi tersebut dikekalkan oleh Tun Hussein Onn, manakala Tun Mahathir Mohammad menggunakan Islamisasi dalam pentadbirannya.<sup>16</sup> Jelasnya Islam adalah asas pentadbiran di Malaysia sejak kemerdekaan sehingga akhir abad ke-20. Namun begitu, sejauhmanakah Islam digunakan dalam menentukan konsep pembangunan masyarakat yang ingin dicapai dalam masyarakat? Perbincangan berhubung Rancangan Malaya dan Rancangan Malaysia yang dilaksanakan sepanjang abad ke-20 diharap akan memberikan jawapan berkenaan.

Pembangunan dalam polisi rasmi di Malaysia bertumpu kepada usaha untuk membangunkan masyarakat dan memberikan keselesaan dari sudut kewangan dan taraf hidup mereka. Pendekatan ini bermula sejak sebelum kemerdekaan. British merangka Draf Rancangan Pembangunan Tanah Melayu (1950-1955) dengan tujuan untuk memulihkan pembangunan ekonomi serta perkhidmatan kemasyarakatan yang ditumpukan kepada pembangunan pelajaran, perburuhan, kesihatan dan kebajikan masyarakat.<sup>17</sup> Pendekatan yang sama digunakan dalam Rancangan Malaya Pertama (1956-1960). Ia menggariskan bahawa pembangunan negara diukur dengan prinsip kecekapan kewangan sendiri dengan program yang mantap untuk pembangunan ekonomi dan sosial dengan memberi keutamaan kepada pembangunan industri, getah, perlombongan dan pembangunan tanah serta industri.<sup>18</sup> Dasar yang dijalankan sepanjang 1957-1969 menyebabkan jurang agihan pendapatan bertambah luas di antara kaum di Malaysia.<sup>19</sup> Zaman zaman 'ekonomi bebas' ini memberikan keutamaan kepada pelabur swasta tempatan dan asing dan meninggalkan kesan yang tidak menyenangkan kepada masyarakat tempatan khususnya masyarakat Melayu.<sup>20</sup>

Namun, intisari Rancangan Malaya Kedua (1961-1965) juga mengekalkan persepsi bahawa pembangunan adalah berkait dengan pembangunan ekonomi dan taraf hidup masyarakat. Ini dilihat kepada tumpuan kerajaan yang ingin menghapuskan kemiskinan di kawasan luar bandar dan mengisyitiharkan bahawa pembangunan ekonomi dalam dalam Rancangan Malaysia kedua adalah bertumpu kepada kawasan luar bandar dengan meningkatkan kemudahan dan peluang pekerjaan dan perkhidmatan kemasyarakatan.<sup>21</sup>

<sup>15</sup> Bakar, O. Identifying the Islam-policies of the predecessors of the Najib administration: Has he abandoned tradition? *Islam and Civilisational Renewal*, 2(4) (2011), 723-726,765. Retrieved from <https://search.proquest.com/docview/1315158995?accountid=13155>

<sup>16</sup> Ibid

<sup>17</sup> Badriyah Salleh. *Jejak-jejak Pembangunan 1957-2007*. (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2007),5

<sup>18</sup> Ibid,21

<sup>19</sup> Ishak Shari& Jomo Kwame Sundaram. " Apakah Dasar Ekonomi Baru dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan? Pembangunan Ketidaksamaan 27 Tahun Selepas mereka" Dlm. *Masyarakat Malaysia Tinjauan dan Perbincangan terhadap beberapa isu dan topik semasa*. Zuraina Majid (penyunting), 114-150.Pulau Pinang: Penerbit USM,1985

<sup>20</sup> Ibid

<sup>21</sup> Badriyah Salleh. *Jejak-jejak Pembangunan*,45

Tanggapan bahawa pembangunan masyarakat adalah bergantung kepada kesejahteraan ekonomi juga jelas dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Rancangan ini memperlihatkan bahawa peningkatan pendapatan dan kesejahteraan ekonomi akan menjamin kestabilan masyarakat dan negara.<sup>22</sup> Keadaan sosio-ekonomi pada 1970 adalah membimbangkan. Menurut Andaya & Andaya, 49.3 peratus warga Malaysia mempunyai pendapatan yang berada di bawah garis kemiskinan dengan pedapatan sebanyak \$33 sebulan.<sup>23</sup> Justeru, usaha-usaha peningkatan ekonomi kekal dominan dalam usaha pembangunan masyarakat yang dijalankan di Malaysia. Kesinambungannya ini dikesan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia yang seterusnya.

Rancangan Malaysia KEDUA (1971-1975), Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dibentuk seiring dengan DEB yang menumpukan kepada usaha untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat.<sup>24</sup> DEB mempunyai dua motif utama iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyeimbangkan semula perbezaan ekonomi masyarakat melalui penstrukturran semula masyarakat.<sup>25</sup> Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, kadar kemiskinan telah dikurangkan daripada 49.3 peratus (pada 1970) kepada 18.4 peratus (pada 1984).<sup>26</sup> Namun begitu, masyarakat masih lagi terkesan dengan turun naik harga pasaran dan keadaan masyarakat masih belum terbela sepenuhnya kerana DEB menumpukan kepada kepada aspek tertentu seperti agihan milik saham syarikat, pekerjaan dan pelajaran.<sup>27</sup> Keadaan ini diburukkan lagi dengan pendekatan kerajaan yang lebih menumpukan kepada usaha penstrukturran semula masyarakat berbanding usaha membasmi kemiskinan.<sup>28</sup>

Seterusnya, pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi diberikan perhatian dalam Rancangan Malaysia Kelima. Objektif utama rancangan ini adalah untuk mencapai perpaduan negara namun kesemua lima objektif yang dikemukakan adalah berkisar kepada pengukuhan ekonomi. Ia adalah seperti mana di bawah;<sup>29</sup>

1. Membangunkan sosio ekonomi dengan tujuan untuk mencapai perpaduan negara secara menyeluruh.
2. Meneruskan objektif DEB untuk membasmi kemiskinan
3. Menghapuskan pengenalan kaum mengikut fingsi ekonomi dan kedudukan kawasan
4. Menyusun semula guna tenaga dalam semua sektor
5. Menambahkan hak milik dan penguasaan rakyat dalam sektor syarikat, khususnya dalam kalangan bumiputera.

Selepas daripada era DEB, pandangan kepada pembangunan masyarakat masih lagi berasaskan kepada kestabilan dan pengukuhan ekonomi. Ia jelas dalam Rancangan Malaysia keenam (1991-1995) yang diasaskan kepada Dasar Pembangunan Nasional. Dasar

<sup>22</sup> Ibid,76

<sup>23</sup> Andaya & Andaya. *The History of Malaysia* (Hampshire: Palgrave, 2001),302

<sup>24</sup> Badriyah Salleh. *Jejak-jejak Pembangunan*, 105; 133

<sup>25</sup> Shamsul A.B. *From British to Bumiputera Rule Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia* (Singapura: ISEAS, 2004), 194

<sup>26</sup> Badriyah Salleh. *Jejak-jejak Pembangunan*, 163

<sup>27</sup> Ishak Shari& Jomo Kwame Sundaram. " Apakah Dasar Ekonomi Baru ...

<sup>28</sup> Ibid

<sup>29</sup> Badriyah Salleh. *Jejak-jejak Pembangunan*,181

Pembangunan Nasional mencerminkan bahawa keseimbangan dan pertumbuhan ekonomi yang baik akan membawa kepada masyarakat yang progresif dan sejahtera. Dasar ini dijadikan asas kepada penentuan matlamat , strategi dan matlamat keseluruhan pembangunan ekonomi dan sosial bagi 1990an.<sup>30</sup> Ringkasnya, pembangunan masyarakat dalam dasar kerajaan adalah berteraskan kepada tanggapan bahawa ia berkisar tentang pengukuhan ekonomi. Walaupun pembangunan masyarakat disentuh melalui aspek 'sosio-ekonomi' namun aspek pembangunan sosial adalah minimum dan seringkali merujuk kepada pengukuhan dan pemantapan dalam bidang pendidikan. Pendekatan sebegini kekal dalam Rancangan Malaysia ketujuh yang menekankan kepada usaha untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan menumpukan kepada industri berintensifkan modal dan teknologi.<sup>31</sup> Jelasnya, pembangunan masyarakat dalam dasar kerajaan pada abad ke-20 adalah bertumpu kepada usaha untuk memperkasakan ekonomi.

### Kemajuan/Pembangunan Masyarakat Pada Pandangan Arqam

Kemajuan pada pandangan Arqam adalah pemilihan/pendirian masyarakat Muslim untuk menjadi pengikut agama Islam yang sebenar. Ini dapat dilihat pada penekanan mukmin sejati yang diterapkan dalam ceramah pendakwah Arqam kepada pelajar sekolah menengah misalnya pada tahun 1978.<sup>32</sup> Sehubungan itu, demi mengajak masyarakat untuk menjadi mukmin sejati, Perkampungan Islam Darul Arqam Sungai Pencala dianjurkan Arqam. Perkampungan Islam anjuran Arqam tersebut lazimnya dilaksanakan pada cuti penggal persekolahan.<sup>33</sup> Ini menunjukkan bahawa golongan pelajar sekolah menjadi perhatian kepada Arqam untuk membentuk peribadi mukmin sejati kerana mereka dilihat sebagai medium dalam mempengaruhi keluarga mengamalkan Islam mengikut corak Arqam.

Pendedahan Islam kepada masyarakat Muslim oleh Arqam adalah berasaskan penekanan bahawa ajaran Islam boleh diperoleh tanpa pendidikan formal kerajaan atau tidak perlu dibebani dengan kos yang tinggi. Ini berikutan semua peringkat umur boleh mengikuti kursus Islam Arqam tanpa syarat selagi pemohon mengikuti syariah Allah.<sup>34</sup> Bayaran berpatutan berjumlah RM 10 pula adalah sekadar untuk menampung bekalan makanan selama seminggu seperti makluman kursus yang diadakan pada 23 Julai hingga 29 Julai 1978.<sup>35</sup> Selain itu, gabungan konotasi berbentuk pelawaan dan peringatan seperti “datanglah beramai-ramai demi menyelamatnya[kan] diri dan keluarga dari api neraka terkandung dalam strategi Arqam demi menarik minat pelajar dan masyarakat kepada program Islam mereka.<sup>36</sup> Jelasnya, Arqam menganjurkan kepada masyarakat Muslim bahawa, Darul Arqam merupakan satu organisasi dakwah terancang demi memastikan masyarakat sejahtera dalam kehidupan agama

<sup>30</sup> Ibid,207

<sup>31</sup> Ibid ,239

<sup>32</sup> *Aqidah yang Benar Akan Tingkatkan Jadi Mukmin Sejati.* Al-Arqam. 1978 (Sya'ban 1398H). hlm 9.

<sup>33</sup> *Kursus Dakwah Darul Arqam.* Al-Arqam. 1978 (Sya'ban 1398H). hlm 13.

<sup>34</sup> *Kursus Dakwah Islamiah.* Al-Arqam. Februari 1978. hlm 9.

<sup>35</sup> Lihat *Kursus Dakwah Darul Arqam.* Al-Arqam. 1978 (Sya'ban 1398H). hlm 13.

<sup>36</sup> Ibid

tauhid ekoran prinsip *Al-Islam Ya'lu Wala Yu'la*<sup>37</sup> [Islam itu tinggi dan tiada lebih tinggi (berbanding Islam)] menjadi teras dalam dakwah Arqam.

Personaliti atau penampilan Arqam pula mencadangkan kemajuan masyarakat Muslim dari aspek fesyen dalam konteks *spirituality* serta kesejahteraan umum. Arqam menyedari bahawa masyarakat umumnya memandang sinis terhadap pendirian mereka berhubung personaliti serban hijau dan jubah terutama apabila iaditerima oleh golongan pelajar sekolah menengah. H.M Jajuli seorang penulis Dewan Budaya misalnya memaparkan sikap ragu beliau terhadap dakwah Arqam apabila cucu saudaranya dilihat sering memakai jubah untuk ke kebun, membunyikan radio syarah dengan kuat, memakai pakaian dari kebun untuk menunaikan solat.<sup>38</sup> Sungguhpun demikian, bagi pandangan Arqam personaliti mereka adalah manifestasi untuk menolak fesyen nasrani dan yahudi yang berleluasa dalam masyarakat.<sup>39</sup> Malah, Arqam menonjolkan personaliti mereka adalah sah disisi undang-undang dalam persekitaran masyarakat. Sebagai contohnya, akhbar *al-Arqam* mendedahkan satu kejayaan golongan berserban yang dibebaskan oleh mahkamah dari kesalahan akta lalu lintas jalan raya ekoran undang-undang mengecualikan pemakaian topi keledar ke atas individu berserban ketika menunggang motor.<sup>40</sup>

Selain itu, dalam isu berhubung pemakaian purdah oleh wanita Arqam, cemuhan masyarakat secara umumnya dilihat Arqam sebagai penolakan terhadap idealisma Islam. Surah *al-Ahzab* ayat 53, 32, 33 dan 59 digunakan Arqam sebagai hujah bahawa ulama tafsir bersepakat perempuan Muslim yang keluar rumah dengan berpurdah dianggap sebagai wanita yang dihormati dan mulia.<sup>41</sup> Penulis *al-Arqam* Abu Asma contohnya mengemukakan pendapat Ibnu Abbas ketika menghuraikan surah *al-Ahzab* ayat 59 dengan penyataan wanita Muslim hendaklah menutup muka dengan cara menghulurkan sebahagian daripada pakaian luarnya [bagi menutupi kepala mereka].<sup>42</sup> Sehubungan itu, dalil-dalil al-Quran dijadikan asas oleh Arqam untuk menjelaskan idealisma atau relevan pemakaian purdah dalam kalangan masyarakat Muslim meskipun terdapat pandangan serong masyarakat apabila golongan berpurdah melintas jalan secara melulu.<sup>43</sup> *Al-Arqam* contohnya melaporkan bahawa seorang mahasiswa kejuruteraan di sebuah universiti tempatan menyatakan purdah tidak menghalang kegiatan pelajar.<sup>44</sup> Malah menurut Arqam, pergerakan mahasiswa yang berpurdah lebih pantas dan meyakinkan.<sup>45</sup> Jelaslah bahawa, Arqam melihat personaliti islamik yang ditonjolkan mereka adalah pilihan baik buat masyarakat supaya tidak terikut dengan fesyen barat.

<sup>37</sup>Ibid hlm 13.

<sup>38</sup>H.M Jajuli. *Halal Haram Bergantung Niatnya*. Dewan Budaya. Februari 1983. dlm Apa Orang Lain Kata. Penyusun Haji Ali Haji Ahmad. 1985. Penerangan Arqam. hlm63-64.

<sup>39</sup>*Orang Islam yang Belakangkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, Sesat dan Kembali Ke Zaman Jahiliah*. Al-Arqam. Mac 1978. hlm 12.

<sup>40</sup>Lihat *Pakai Serban ke Mahkamah*. Al-Arqam. 1978 (Sya'ban 1398H). hlm 9.

<sup>41</sup>Purdah. Al-Arqam. Februari 1978. hlm 2.

<sup>42</sup>Ibid.

<sup>43</sup>H.M Jajuli. *Halal Haram Bergantung Niatnya*. Dewan Budaya. Februari 1983. dlm Apa Orang Lain Kata. Penyusun Haji Ali Haji Ahmad. 1985. Penerangan Arqam. hlm62.

<sup>44</sup>Purdah. Al-Arqam. Februari 1978. hlm 2.

<sup>45</sup>Ibid. *Sejarah Perkembangan*, 181

Penerimaan dakwah Arqam di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya akhir 1970-an dan awal 1980-an merupakan manifestasi bahawa kegiatan dakwah luar kampus adalah bersifat responsif dan progresif. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat kampus dalam kalangan pelajar dan golongan kelas profesional baharu menerima baik dakwah Arqam sekitar 1973 hingga 1979.<sup>46</sup> Arqam menunjukkan dakwahnya bersifat responsif kepada masyarakat apabila mengadakan ceramah secara sistematik. Contohnya, ceramah anjuran Arqam serta kakitangan UTM pada 1977 dijalankan setiap setiap hari Selasa selepas solat Asar.<sup>47</sup> Tindakan responsif dakwah Arqam dalam kampus IPT adalah disebabkan kewujudan sub-unit/perkongsian organisasi Arqam di kampus. Pada tahun 1982 Arqam dilihat mempunyai pengaruh di ITM melalui Jamaah Pengajian Islam (JPI) dengan meluaskan ajaran serta ceramah kepada seluruh ahli JPI.<sup>48</sup> Malah kewujudan ‘ahli keluarga Darul Arqam’ di UTM dan ITM misalnya melancarkan lagi perjuangan Arqam untuk melaksanakan dakwah di IPT.<sup>49</sup>

Penekanan dakwah Arqam terhadap aspek *hablum minan nas* [hubungan sesama manusia] kepada pelajar IPT memaparkan usaha Arqam kepada masyarakat bahawa Islam adalah progresif. Hal ini sesuai dengan penjelasan dakwah Ashaari berhubung konsep aspek tersebut iaitu Islam tidak mengajar penganutnya meninggalkan dunia atau menolak kebendaan.<sup>50</sup> Meskipun pemimpin Arqam sentiasa menjelaskan aspek *hablum minallah* [hubungan sesama Allah] turut penting dalam kehidupan supaya Muslim tidak menyimpang dalam Islam sebenar dengan mengambil cara hidup agama lain,<sup>51</sup> Arqam juga menonjolkan elemen material adalah penting demi kemajuan Muslim. Ashaari contohnya pernah menjelaskan di ITM bahawa masyarakat Muslim mundur dalam jurusan *hablum minan nas* seperti perusahaan dan *iktisod*, pertanian dan pendidikan ekoran tidak mengamalkan ajaran al-Quran dan Sunnah.<sup>52</sup>

Sehubungan itu, demi menggalakkan masyarakat mementingkan material, Arqam mencadangkan kegiatan dakwahnya dapat dijadikan contoh kepada masyarakat Muslim untuk berjaya di bidang ekonomi. Hal ini dapat dilihat menerusi kerjasama antara Yayasan Arqam dan pelajar USM misalnya dalam penganjuran kursus di Arqam demimembolehkan pelajar IPT didedahkan dengan pembangunan ekonomi Arqam.<sup>53</sup> Peserta-peserta kursus perkampungan Islam Arqam yang terdiri daripada penuntut USM, UM, Maktab-maktab Perguruan, Maktab Qadir Adabi Muar dan Bukit Mertajam, Maktab Tentera Udara dan

<sup>46</sup> Abdul Fauzi Abdul Hamid. 2000. Political Dimensions of Religious Conflict in Malaysia: State Response to an Islamic Movement. *Indonesia and Malay World*. 28(80): 33.

<sup>47</sup> *Usrah Umum di Universiti Teknologi Malaysia*. Al-Arqam. Februari 1978. hlm 15.

<sup>48</sup> *Al-Arqam Gagal di ITM*. Dimensi. September 1994. hlm 1.

<sup>49</sup> *Usrah Umum di Universiti Teknologi Malaysia*. Al-Arqam. Februari 1978. hlm 15; *Al-Arqam Gagal di ITM*. Dimensi. September 1994. hlm 1.

<sup>50</sup> *Dunia Penjara Mukmin*. Al-Arqam. 1978 (Sya'ban 1398H). hlm 5.

<sup>51</sup> Perkara ini ditekankan oleh Akbar Anang dalam ceramah bertajuk Iman kepada pelajar Maktab Perguruan Islam pada 1978.

<sup>52</sup> *Dunia Penjara Mukmin*. Al-Arqam. 1978 (Sya'ban 1398H). hlm 5.

<sup>53</sup> *Siswa Siswi Pusat Pengajian Tinggi Berkursus di Yayasan Arqam*. Al-Arqam. 1978 (Sya'ban 1398H). hlm 14.

Tentera Laut Diraja Malaysia berpeluang melawat projek Arqam kawasan pertanian/penternakan di Kundur Negeri Sembilan, Projek Kayu Arang di Ramuan Cina, Melaka, Kilang Mi, Cili dan Sos di Taman Greenwood.<sup>54</sup> Di ITM pula, pengaruh Arqam dalam JPI membolehkan Darul Arqam membuka gerai-gerai yang menjual bahan penerbitan dan barang mereka menerusi program Minggu Sosial Islam anjuran JPI.<sup>55</sup>

Jelasnya, penekanan Arqam terhadap kepentingan jurusan *hablum minan nas* bertujuanmendidik pelajar dan masyarakat Muslim bahawa Islam tidak hanya menumpukan ibadah khusus sebaliknya turut menyarankan penglibatan ekonomi Islam demi menyelamatkan Muslim dari dirosakkan iman atau makanan yang tidak bersih. Secara tidak langsung, pelajar Muslim umumnya menyedari kepentingan produk halal. Contohnya pada tahun 1980, Persatuan Diploma dan Ijazah Sains UTM memohon maklum balas daripada Mufti Wilayah Persekutuan dan Perak untuk merungkai persoalan dakwaan wujud lemak babi dalam sabun Lux dan biskut ekoran produk tersebut dihasilkan oleh negara asing seperti Australia.<sup>56</sup>

Selain penekanan kepada mukmin sejati, personaliti Islamik, tindakan responsif dan progresif dalam dakwah, Arqam turut mementingkan kegiatan penulisan Islam dalam pembangunan masyarakat Muslim. Penulisan Islam dititberatkan Arqam kerana masyarakat Muslim dapat menguatkan lagi keinginan mereka mendalamai Islam menerusi medium penerbitan yang dimiliki oleh Muslim. Akhbar *al-Arqam* misalnya menjadi rujukan kepada Ustaz Awang sebelum pergi ke Kuala Lumpur mendapatkan nasihat dari Ustaz Ashaari dalam usaha menubuhkan perkampungan Islam di Kampung Bakau, Kemaman.<sup>57</sup> *Al-Arqam* turut melaporkan bahawa pada tahun 1978, angkatan tentera Sabah dan Sarawak menempah 3000 naskhah *al-Arqam* serta meminta naskhah keluaran lepas sebanyak 500 setiap keluaran untuk menjadi bahan bacaan tentera.<sup>58</sup>

Penerimaan masyarakat terhadap penulisan dakwah Islam *al-Arqam* menunjukkan Arqam berusaha memaklumkan kepada masyarakat bahawa penulisan Islam dapat memartabatkan kedudukan Muslim. Sehubungan dengan itu, cara paling sesuai digunakan Arqam adalah dengan memberi galakan kepada masyarakat mengikuti kursus penulis Islam di Yayasan Arqam setiap malam selasa selepas isyak.<sup>59</sup> Kesedaran penulisan Islam yang dijalankan oleh Arqam secara tidak langsung menujukkan akan wujud usaha sampingan menyebarkan Islam seperti usaha pengedaran bahan terbitan Islam. Contohnya, pada tahun 1978, kira-kira 150 orang ahli Arqam menggunakan 30 buah kereta untuk mengedarkan *al-Arqam* di kawasan

<sup>54</sup>Ibid.

<sup>55</sup>Lihat *Al-Arqam Gagal di ITM*. Dimensi. September 1994. hlm 1.

<sup>56</sup> Surat Persatuan Diploma & Ijazah Sains Universiti Teknologi Malaysia kepada Mufti. 4 Februari 1980. No Penerimaan 1997/0012524.

<sup>57</sup>*Taman Islam Kemaman*. Al-Arqam. Februari 1978. hlm 12.

<sup>58</sup>Tentera-tentera Diraja Jadi Peminat “*al-Arqam*”. Al-Arqam. 1978 (Ramadan 1398H). hlm 6.

<sup>59</sup>Ibid.

Johor.<sup>60</sup> Di samping itu, Arqam memberi gambaran bahawa kegiatan penulisan adalah ‘senjata penting’ Muslim untuk menghadapi tantangan akhbar tempatan yang memburukkan kegiatan dakwah. Ini dapat dikesan menerusi kewujudan golongan strategi seperti Tajul Ariffin sejurus melancarkan perang psikologi kepada akhbar tempatan seperti Utusan pada 1980-an supaya menghentikan isu negatif poligami dalam Arqam.<sup>61</sup>

Pembangunan masyarakat Muslim di Malaysia pada perspektif Arqam juga dapat dilihat menerusi sanjungan Muslim terhadap kesusasteraan Islam. Bagi Ashaari, sastera perlu dijadikan alat beribadah kepada Allah.<sup>62</sup> Justeru, Arqam menganjurkan Malam Puisi Islam pada 1980-an demi memenuhi sebahagian pencarian sastera Melayu berhubung corak sastera berteraskan kesusasteraan Islam.<sup>63</sup> Ia berikutan pihak Arqam menyedari kesusasteraan Islam seperti karangan puisi dapat membentuk ketaqwaan serta memelihara akhlak Muslim. Hal ini selaras dengan harapan Ashaari supaya puisi Islam menjadi alternatif kepada persempahan puisi “liar”.<sup>64</sup> Puisi liar yang dimaksudkan Ashaari mempunyai kaitan dengan pandangan Haji Mohammad Salleh Haji Abu Bakar, tokoh pemuisi terkenal bahawapuisi akan mempunyai implikasi buruk kepada masyarakat apabila seorang sasterawan tidak memegang prinsip iman dan taqwa.<sup>65</sup>

Malam puisi Islam anjuran Arqam menunjukkan komitmen Arqam untuk bekerjasama dengan masyarakat Muslim supaya memperkasakan sastera Islam. Mana Sikana dan Nurazmi Kuntum contohnya menyifatkan penganjuran Arqam dalam Malam Puisi Islam kedua bertempat di Dewan Sivik, Petaling Jaya Februari 1984 sebagai satu malam yang indah dan istimewa.<sup>66</sup> Ini kerana Arqam berjaya untuk menjadikan persempahan puisi Islam istimewa menerusi penggunaan teknologi yang baik iaitu gambar slaid, penata bunyi serta selingan persempahan nasyid.<sup>67</sup> Ringkasnya Arqam memandang penulisan Islam serta sastera Islam adalah lambang penyatuan ummah apabila dilaksanakan menerusi perancangan rapi dan sistematis.

## Penutup

<sup>60</sup> Mengedar Akhbar al-Arqam Secara Rombongan. Al-Arqam. 1978 (Sya’ban 1398H). hlm 15.

<sup>61</sup> Lihat Farahwahida Mohd Yusof. 2007. *Al-Arqam dan Ajaran Muhammadiyah Satu Penilaian*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. hlm 23; Ustaz Haji Tajul Ariffin. 1986. *Darul Arqam Sasaran Siapa?*. Petaling Jaya: Penerbitan Al-Munir. Hlm 4-29.

<sup>62</sup> Nurazmi Kuntum. *Malam Puisi Islam Perlu Dijadikan Satu Tradisi*. Berita Harian. Mei 1984. dlm Apa Orang Lain Kata. Penyusun Haji Ali Haji Ahmad. 1985. Penerangan Arqam. hlm 151.

<sup>63</sup> Mana Sikana. *Malam Puisi Beri Kesan Peteguh Iman*. Berita Minggu. April 1984. dlm Apa Orang Lain Kata. Penyusun Haji Ali Haji Ahmad. 1985. Penerangan Arqam. hlm 135.

<sup>64</sup> Nurazmi Kuntum. *Malam Puisi Islam Perlu Dijadikan Satu Tradisi*. Berita Harian. Mei 1984. dlm Apa Orang Lain Kata. Penyusun Haji Ali Haji Ahmad. 1985. Penerangan Arqam. hlm 153.

<sup>65</sup> Ibid, hlm 152.

<sup>66</sup> Mana Sikana. *Malam Puisi Beri Kesan Peteguh Iman*. Berita Minggu. April 1984. dlm Apa Orang Lain Kata. Penyusun Haji Ali Haji Ahmad. 1985. Penerangan Arqam. hlm 135.

<sup>67</sup> Nurazmi Kuntum. *Malam Puisi Islam Perlu Dijadikan Satu Tradisi*. Berita Harian. Mei 1984. dlm Apa Orang Lain Kata. Penyusun Haji Ali Haji Ahmad. 1985. Penerangan Arqam. hlm 152-153.

Jelasnya, konsep pembangunan / kemajuan masyarakat yang terdapat dalam gerakan Arqam adalah berteraskan kepada pengaplikasian ajaran Islam. Ia dianggap sebagai unsur yang terpenting. Cerapan perbincangan yang terdapat dalam media Arqam memperlihatkan bahawa perbezaan kepada konsep pembangunan/ kemajuan masyarakat dalam polisi rasmi di Malaysia dan Arqam adalah hala tuju dan intipati kepada pembangunan tersebut. Polisi rasmi di Malaysia memperlihatkan pembangunan masyarakat disandarkan kepada pengukuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup. Manakala bagi gerakan Arqam, pembangunan/kemajuan adalah pengukuhan kepada pengahayatan ajaran Islam yang diterjemahkan melalui kegiatan ekonomi dan cara hidup yang mereka amalkan.

### Biodata Penulis

**Khairin Sharep** merupakan seorang guru yang kini berkhidmat di Kolej Tingkatan Enam di SMK Sri Istana, Klang. Beliau juga merupakan pelajar di peringkat Sarjana (Sejarah Malaysia) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. Penerbitan pertamanya *Revisi Mobil Sejarah SPM*. Kecenderungan kajiannya adalah dalam bidang sejarah sosial khususnya berkenaan perkembangan Muslim di Malaysia selepas 1970-an.

**Nazirah Lee** adalah pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dari Hiroshima City University (2010). Beliau telah menulis beberapa artikel untuk jurnal sama ada di dalam dan di luar negara. Penerbitan terkini adalah *Isu-Isu dalam masyarakat Islam* (editor-terbitan UTHNM) dan ulasan buku yang diterbitkan dalam *JMBRAS* keluaran Jun 2017.

# **Sejarah ‘Tuan Seberang’ berdasarkan *Ma Bain-as-Salatin***

## **Satu Penelitian**

**M. Adli Abdullah  
Azmi Arifin**

### **Abstrak**

Kajian ini membicarakan tentang kedudukan Tuan Seberang sebagai seorang tokoh Melayu Semenanjung yang sangat berpengaruh dalam sejarah kerajaan Aceh Darussalam pada kurun ke-17. Ketokohnnya terbukti apabila sebuah kitab persejarahan Aceh, *Ma Bain-as-Salatin* yang dijadikan sebagai kitab rujukan undang-undang dan perlombagaan kerajaan Aceh, memaparkan banyak kali tentang kedudukan dan peranan Tuan Seberang. Namun sehingga kini hampir tidak ada para sarjana yang pernah membahas secara jelas peranan dan ketokohan Tuan Seberang baik semasa beliau berada di Aceh maupun di Dunia Melayu lainnya. Padahal Tuan Seberang merupakan tokoh yang sangat disegani oleh Belanda maupun Portugis misalnya kerana sumbangannya yang sangat besar dalam pentadbiran kerajaan Aceh semasa zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636), Sultan Iskandar Thani (1636-1641) dan Sultanah Safiatuddin Syah (1641-1675). Dalam kajian ini, penulis meneliti tentang persoalan siapa sebenarnya Tuan Seberang dalam sejarah Aceh, apa peranan dan sumbangannya yang dimainkannya dan serta hubungannya dengan para pemerintah dan tokoh-tokoh politik Aceh.

**Kata kunci:** Tuan Seberang, Tun Seri Lanang, *Sulalat-us-Salatin*, *Ma Bain-as-Salatin*, Kerajaan Aceh Darussalam

### **Naskhah *Ma Bain-as-Salatin* dan Tuan Seberang**

Dalam persejarahan Aceh terdapat tokoh-tokoh yang sangat berpengaruh dalam lingkaran istana kerajaan Aceh pada kurun ke-17, antaranya ialah Syeikh Syamsuddin as-Sumatrani, Syeikh Hamzah Fansuri, Syeikh Nurudin ar-Raniry, Syeikh Abdurrauf al-Fansuri as-Singkili,<sup>1</sup> dan

<sup>1</sup>Ulama ulama besar ini telah banyak melahirkan karya pada masa kerajaan Aceh seperti Hamzah Fansuri, dengan kitab-kitab dengan karyanya, *Syair Burung Pinggai*, *Syair Burung Pungguk*, *Syair Perahu*, *Syair Dagang*, *Syair sidang faqir*, *Syair ikan tongkol*, *Syarab al Asyiqin* (minuman orang-orang yang cinta kepada Tuhan), *Al-Muhtadi Ruba'i Hamzah al-Fansuri*. *Asrar al- Arifina fi bayan 'ilm-al suluk wal tauhid* (Keterangan mengenai perjalanan ilmu suluk dan keesaan Tuhan); dalam bentuk syair yang terkenal: Rubba al-Muhakkika, Kashf al-Sirr al-Tajalli al-Subhani, Miftah al-Asrar, selanjutnya lihat Uka Tjandrasasmita, *Sejarah Nasional Indonesia III*, Jakarta: PN Balai Pustaka, 1984, hlm. 221; Syamsuddin As-Sumatrani dengan karyanya Karangan-karangannya, baik dalam bahasa Melayu/Jawi *Miratul Mukminin* (cermin perbandingan bagi orang-orang mukmin), *Jauharul Haqaaiq* (permata kebenaran), *Risalatul Baijin Mulahadhatil Muwahhidin Alal Mulhidi fi Zikrillah* (Tinjauan ahli-ahli tauhid terhadap orang-orang yang sesat mengingat Allah), *Kitabul Harakah* (ilmu bahasa), *Nurul Daqaaiq* (cahaya yang murni), *Miratul Iman* (Cermin keimanan), *Syarah Miratul Qulub* (Uraian tentang cermin segala hati) *Kitab Taziyim* (kitab celaan), *Syar'ul Arifin* (jalan orang arif budiman), *Kitabul Ushulut Tahqiq* (kitab dasar-dasar penguatan), *Miratul Haqiqah* (cermin hakikat), *Kitabul Martabah* (kitab